

## **KESEDIAAN MASYARAKAT SIVIL MENGADAPTASI PLATFORM UNTUK PELUANG *SHARING ECONOMY*: SOROTAN LITERATUR**

*(Civil Society Readiness in Adapting Platforms for Sharing Economy Opportunities: A Literature Review)*

Habibah Ahmad\*, Wee Eng Fui, Riduan Supadi, Hamzah Jusoh,  
Er Ah Choy & Norngainy Mohd Tawil

### **ABSTRAK**

Konsep *sharing economy* telah berkembang pesat dalam pelbagai sektor di negara-negara maju berbanding di negara Asia termasuk di Malaysia. Terminologi *sharing economy* berkaitan penggunaan platform digital secara kolaboratif dikatakan mencabar dan mengubah semula model perniagaan secara tradisional. Kajian ini tertumpu kepada dua objektif iaitu menganalisa tren dapatan penyelidikan berkaitan *sharing economy* dan mengenalpasti perbezaan ketersediaan masyarakat terhadap platform *sharing economy* di peringkat global. Berdasarkan 200 artikel yang dianalisa, sembilan (9) tema telah dikenaplasti iaitu: (i) aktiviti platform digital; (ii) model perniagaan; (iii) pelancongan; (iv) kelestarian; (v) pengurusan; (vi) konflik; (vii) konsep dan kerangka (viii) kepentingan dan peluang; dan (ix) impak sosial. Tahap kesediaan di kalangan masyarakat dunia dikatakan berbeza di setiap negara dengan dipengaruhi pelbagai faktor khususnya kemajuan teknologi dan kesedaran masyarakat. Usaha yang berterusan wajar dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memastikan penggunaan konsep *sharing economy* yang diadaptasi dapat menyumbang kepada kemampanan ekonomi dan sosial. Kajian ini mencadangkan agar penyelidikan tentang airbnb diluaskan di Malaysia kerana ekonomi perkongsian menawarkan peluang dalam memajukan semua sektor.

**Kata kunci:** *Sharing economy*, collaborative economy, adaptasi, platform digital, peluang

### **ABSTRACT**

The concept of sharing economy has grown rapidly in various sectors in developed countries compared to Asian countries including Malaysia. Sharing economy terminology related to the digital platforms collaboratively is said to challenge and redefine traditional business models. This study focuses on two objectives, i.e to analyzing research trends in sharing economy and identify differences of practices among global community on sharing economy platform. Based on the 200 articles analysed, nine (9) themes were found to be dominant among researchers. These include: (i) digital platform activities; (ii) the business model; (iii) tourism; (iv) sustainability; (v) management; (vi) conflict; (vii) concepts and frameworks (viii) interests and opportunities; and (ix) social impact. The level of readiness among the global community is said to be different in each country, influenced by various factors, especially technological advances and community awareness. Ongoing efforts should be made by the key stakeholders in ensuring that the adoption of the sharing economy concept can contribute to economic and social sustainability. This study

suggests that further research should be conducted in Malaysia as the sharing economy offers opportunities in developing all sectors.

**Keywords:** *Sharing economy*, collaborative economy, adaptation, digital platform, opportunities

## PENGENALAN

Ekonomi perkongsian telah menjadi topik hangat dalam beberapa tahun kebelakangan ini (Mingming 2016; Gao & Zhang 2016; Soltysova & Modrak 2020). Sama ada dikenali sebagai *sharing economy* atau *collaborative economy*, para sarjana pelbagai bidang tertarik untuk menganalisis fenomena ini dengan sistem ekonomi baru. Minat dan peningkatan kecenderungan pelbagai pihak ini adalah ekoran pendekatan *sharing economy* didapati menyumbang pelbagai faedah kepada pelbagai pihak pemegang taruh, dari sekecil-kecil syarikat atau peniaga sehinggalah kepada penyedia perkhidmatan yang besar dan terkenal. Bagaimanapun, maklumat terhadap peluang dalam penggunaan dan adaptasi ini belum diteliti secara komprehensif sehingga terdapat jurang pengetahuan tentang potensi dan syarikat mana yang boleh diletakkan dalam bidang atau sektor yang menggunakan pendekatan ekonomi perkongsian. Kekeliruan ini menimbulkan implikasi yang perlu ditangani dalam pelbagai bidang terutama dalam pembangunan polisi dan dasar ekonomi baharu. Syarikat seperti *Airbnb*, *Uber*, *Grab* dan *Foodpanda* telah menjadikan konsep *sharing economy* sebagai suatu fenomena baru dan menjadi alternatif kepada sistem ekonomi sedia ada. Fenomena tersebut telah berkembang dengan pesat kerana pelbagai faktor, termasuk; (i) perkembangan teknologi; (ii) rangkaian sosial yang luas; (iii) cara kehidupan bandar; dan (iv) beban kepada sumber asas yang bersifat tradisional.

Secara literalnya, '*sharing economy*' bermaksud perkongsian sumber dalam sesuatu komuniti. Kini, istilah tersebut digunakan secara meluas dan meliputi transaksi dalam pasaran atas talian atau model pasaran hybrid antara *peer-to-peer*. Adalah dijangkakan menjelang tahun 2025, *sharing economy* akan menjana lebih AS\$335 bilion kepada ekonomi Amerika Syarikat. Menurut Paweł & Masiukiewicz (2015), definisi mengenai *sharing economy* secara ringkas adalah:

" *Sharing economy* adalah suatu projek yang tidak formal, yang diatur oleh sekumpulan orang yang menyediakan perkhidmatan atau menjual semula barang terpakai dengan harga rendah. Ciri-ciri utama yang terlibat adalah; (i) kepercayaan sebagai asas transaksi; (ii) penggunaan internet dan media sosial untuk berhubung secara langsung secara komersial (C2C); (iii) jenis urus niaga: sewa, pertukaran, penjualan barang terpakai dengan simbolik harga; (iv) kurangnya peraturan undang-undang berkaitan transaksi; (v) bahagian perniagaan tidak dinyatakan dalam daftar syarikat; (vi) Tidak memerlukan bayaran cukai atau bayaran cukai yang rendah serta tidak pada pemakaian undang-undang; (vii) harga rendah yang melibatkan operasi bukan keuntungan serta kos marginal rendah atau sifar; (viii) menawarkan peluang (contoh : ruang kosong di dalam kereta); (ix) pelanggan berisiko dengan hanya berpandukan perjanjian lisan atau alamat e-mel"

Menurut Gao & Zhang (2016), *sharing economy* merupakan fenomena penukaran aset yang digunakan atau tidak digunakan oleh seseorang individu untuk menjadi sumber yang produktif. Para sarjana bersetuju bahawa *sharing economy* telah membuka pintu baru untuk persaingan di seluruh industri. Perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan dalam *sharing*

*economy* membolehkan orang berkongsi aset fizikal seperti kereta, tempat tinggal, basikal, dan barang lain dengan orang lain yang sanggup membayar untuk menggunakannya. Sementara itu kewujudan syarikat utama dalam *sharing economy* secara tidak langsung akan memberi kesan ke atas industri tradisional di seluruh dunia. Syarikat-syarikat ini membawa faedah ekonomi dan persekitaran yang ketara. Sebagai contoh, perkhidmatan perkongsian kereta yang disediakan oleh *Uber* adalah kaedah berkesan untuk mengurangkan pelepasan karbon, untuk menjimatkan wang pengangkutan dan mengurangkan lalu lintas. *Sharing economy* juga dikatakan bergantung kepada tenaga kerja yang diagihkan secara lokaliti, di mana aset boleh dikongsi tanpa membebankan sumber sedia ada dan juga melibatkan transaksi serta kontrak antara *peer-to-peer*. Perkembangan teknologi telah banyak membantu perkembangan konsep *sharing economy* dan peralihan pemikiran generasi zaman terhadap konsep tersebut adalah sesuatu yang relevan. *Sharing economy* juga telah muncul sebagai pembekal barang dan perkhidmatan alternatif berbanding dengan kaedah secara tradisional yang disediakan oleh industri yang telah lama wujud.

*Sharing economy* juga dapat ditakrifkan sebagai ekosistem sosio-ekonomi yang biasanya menggunakan teknologi maklumat untuk berhubung di antara pelbagai pihak berkepentingan iaitu individu, syarikat, kerajaan dan lain-lain untuk menjana nilai dengan berkongsi kelebihan keupayaan mereka menghasilkan produk dan perkhidmatan. Situasi ini disokong dengan dapatan Botsman dan Rogers (2010) yang menyatakan bahawa perkongsian ekonomi adalah suatu pendekatan yang mendasari model perniagaan dalam operasi penggunaan kolaboratif di mana pihak yang menawarkan dan berkongsi perlu menggunakan sumber secara kreatif dan baharu. Kegiatan *sharing economy* tersebut boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu: (i) pengedaran semula barang; (ii) peningkatan penggunaan aset tahan lama; (iii) pertukaran perkhidmatan; dan (iv) perkongsian secara produktif.

Menurut data Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) tahun 2013, penglibatan pemain industri tempatan dalam *sharing economy* di Malaysia amat kurang. Pada tahun 2019 bagaimanapun, Malaysia telah dilaporkan mempunyai lebih daripada 80 syarikat tempatan. Pertumbuhan yang ketara ini dapat dilihat dalam ekosistem dalam jangka masa 6 tahun akan datang dengan lebih daripada 15 kategori perniagaan termasuk perkhidmatan penghantaran makanan dan *homechef*, perjalanan dan pengangkutan, logistik dan penghantaran, kerja digital dan profesional dan perkhidmatan berkaitan pelancongan –tempatan dan antarabangsa (Segaran 2020). Jangkaan ini memberikan perspektif betapa pentingnya kefahaman tentang kompleksnya ekonomi perkongsian yang akan memberikan *value chain* kepada pemain industri, komuniti dan pengguna.

Berasaskan peri pentingnya isu *sharing economy* ini dijelaskan secara kritis, makalah ini bertujuan untuk mengkaji liputan kajian tentang ekonomi perkongsian dalam literatur dan memahami tema tumpuan global dan mengkaji kesediaan masyarakat dunia untuk terlibat dalam ekonomi perkongsian. Secara spesifik, makalah ini bertujuan untuk (i) mengkaji tren dapatan penyelidikan *Sharing economy* berdasarkan kajian lepas dalam tempoh 2010-2020; dan (ii) mengenalpasti perbezaan ketersediaan masyarakat terhadap platform *sharing economy* di negara-negara terpilih. Pengkajian ini sekurang-kurangnya mengisi lompong ilmu tentang ekonomi perkongsian yang mengubah cara perekonomian sebahagian besar masyarakat dunia dan juga Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Bagi mencapai objektif pertama dalam mendapatkan tren dapatan penyelidikan berkaitan *sharing economy* daripada kajian lepas, sebanyak 200 artikel telah dicari menggunakan kata kunci “*sharing economy*” dan “*collaborative economy*”. Pencarian artikel dibuat menggunakan enjin pencarian Gemilang Universiti Kebangsaan Malaysia, ResearchGate, SCOPUS, laman sesawang *Google* dan *Google Scholar*. Maklumat yang diperolehi daripada kesemua artikel tersebut diekstrak ke perisian Microsoft Excel mengikut komponen berikut: (i) pengarang (ii) tahun kajian, (iii) tajuk artikel, (iv) jenis artikel, (v) volume/bil dan mukasurat, (vi) abstrak, (vii) tema, (viii) sub tema, (ix) metodologi, (x) sumber data, (xi) model/teori; dan (xii) kawasan kajian.

Berdasarkan komponen yang disenaraikan, tiga komponen utama telah dipilih sebagai elemen tren kajian untuk dianalisa dengan lebih lanjut iaitu tempoh tahun kajian, kawasan dan tema kajian. Bagi tujuan menganalisis komponen tersebut, data yang dikumpulkan tersebut dikaji dengan menggunakan kaedah analisis kandungan atau ‘content analysis’. Menurut Wilson (2011), analisis kandungan adalah kaedah yang boleh digunakan melalui kaedah kualitatif atau kuantitatif untuk tujuan analisa bertulis yang sistematik, lisan, dokumentasi visual dan kajian komunikasi massa. Tema akan ditentukan daripada dokumen yang dikaji selepas dikelaskan dan berkod. Kandungan dianalisis dengan memecahkannya kepada beberapa bahagian konsep yang kemudian dikodkan atau dinamakan. Sehubungan dengan itu, bagi mengenalpasti tema, konsep, dan makna dalam setiap jurnal yang dikaji, kaedah pengklusteran tema ditetapkan terlebih dahulu.

Pada peringkat awal terdapat 15 tema kajian telah dikenalpasti ke atas 200 jurnal yang dianalisa. Dengan melakukan pengekodan semula kluster tema yang mempunyai ciri dan maksud yang sama, hanya 9 tema utama berkaitan *sharing economy* telah dimuktamadkan. Bagi mendapatkan hasil analisa yang lebih terperinci secara kuantitatif, maklumat kesemua komponen yang ditentukan daripada jurnal yang dikaji dimuatnaik ke perisian Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 23 for Windows. Analisa menggunakan kaedah frekuensi dan peratusan digunakan seperti Rajah 2. Melalui SPSS, analisa berkaitan tema, tempoh pelaksanaan dan kawasan kajian diperhalusi untuk mengkaji tren dapatan penyelidikan berkaitan *sharing economy* secara keseluruhan ke atas 200 jurnal yang diperolehi.

Bagi mencapai objektif kedua dalam mengenalpasti perbezaan ketersediaan masyarakat terhadap platform *sharing economy* di antara negara-negara yang dikaji, proses saringan jurnal mengikut kawasan dan tema kajian digunakan. Daripada 6 benua yang terlibat dalam kawasan kajian, beberapa jurnal telah dipilih yang mana memenuhi kriteria dalam menghasilkan dapatan berkaitan ketersediaan masyarakat mengadaptasi platform *sharing economy*. Sebanyak 75 jurnal telah disaring dan dianalisa bagi memberikan input perbandingan ketersediaan tersebut. Dalam memenuhi dua objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini, ringkasan carta alir metodologi kajian adalah seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1: Carta Alir Metodologi Kajian



## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Perspektif Teori dan Model Kerangka


Menurut Gao and Zhang (2016), dalam persekitaran perniagaan yang bersifat dinamik dan sentiasa berubah, model perniagaan memainkan peranan penting dalam kejayaan sesebuah syarikat. Pertumbuhan *Sharing economy* dalam sektor pengeluaran dan penggunaan telah menarik perhatian ahli akademik pada masa kini. *Sharing economy* telah muncul sebagai pembekal alternatif barangan dan perkhidmatan yang secara tradisinya disediakan oleh industri lama. Hamari et al. (2016) mendefinisikan *Sharing economy* sebagai ekosistem sosioekonomi yang lazimnya menggunakan teknologi maklumat untuk menghubungkan pihak berkepentingan termasuk individu, syarikat, kerajaan, dan lain-lain, untuk menjadikan nilai dengan berkongsi keupayaan berlebihan untuk produk dan perkhidmatan.

Basselier et al. (2018) turut menyatakan bahawa mengenai kecenderungan untuk bertukar-tukar dan berkongsi barangan atau perkhidmatan seperti kereta, alat khas, masa atau pengetahuan bukanlah suatu perkara yang baharu. Pada masa kini kemunculan dan perkembangan pemain digital untuk mengatur jenis pertukaran dipermudah lagi atas sebab maklumat dan kos logistik yang lebih murah terutamanya kemudahan internet.

Bahkan Basselier et al. (2018) turut menegaskan proses digitalisasi yang progresif dalam kehidupan seharian telah banyak memperluas peluang untuk mewujudkan nilai ekonomi. Aplikasi

e-dagang dikatakan mempunyai impak yang nyata pada rantaian pengedaran. Selain itu, pelbagai model perniagaan baru juga muncul dalam perkongsian ekonomi. Secara umumnya, model pelaksanaan *sharing economy* pada peringkat awal merupakan perkongsian atau penggunaan secara bersama barangan atau aset terpilih yang tidak digunakan, dan kemudiannya, perniagaan baru telah mewujudkan platform digital yang berkongsi bekalan dan permintaan. Model hubungkait perlakuan dengan aliran wang tunai yang mengadaptasi platform digital *sharing economy* ditunjukkan dalam Rajah 2.

Rajah 2: Model hubungkait perlakuan dan aliran wang tunai dalam mengadaptasi platform digital




Sumber: Basselier et al. (2018)

### Tren Penyelidikan *Sharing Economy*

Berdasarkan 200 artikel yang dikaji, kawasan kajian meliputi 39 buah negara dan telah dikelaskan kepada enam (6) kawasan utama iaitu Benua Eropah 34.5% (69 artikel), Benua Amerika 24.50% (49 artikel), Dunia 19.5% (39 artikel), Asia 19.0% (38 artikel), Benua Afrika 1.5% (3 artikel) dan Oceana 1.00% (2 artikel) seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Taburan Kawasan Kajian *Sharing Economy*



Kesemua artikel telah dikelaskan kepada sembilan (9) tema utama iaitu aktiviti platform digital, model perniagaan, pelancongan, kelestarian, pengurusan, konflik, konsep dan kerangka,

kepentingan dan peluang dan impak sosial. Pengkelasan ini bertujuan untuk mengukur dan menganalisis dapatan kajian lepas seperti yang dikemukakan dalam Jadual 1. Merujuk jadual ini, tema aktiviti platform digital mencatat jumlah tertinggi dalam kajian berhubung *sharing economy* iaitu sebanyak 31.5% (63 artikel).

Jadual 1: Bilangan Artikel Kajian Mengikut Tema Kajian

<b>Bil</b>	<b>Tema</b>	<b>Bil Artikel</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	Aktiviti Platform Digital	63	31.5
2	Model Perniagaan	27	13.5
3	Pelancongan	22	11.0
4	Kelestarian	21	10.5
5	Pengurusan	18	9.0
6	Konflik	13	6.5
7	Konsep Dan Kerangka <i>Sharing economy</i>	13	6.5
8	Kepentingan Dan Peluang	12	6.0
9	Impak Sosial	11	5.5
<b>Jumlah</b>		<b>200</b>	<b>100.0</b>

Kajian tersebut secara khusus menghuraikan beberapa elemen platform digital berkaitan inovasi teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi dan kerjasama platform. Menurut Ert et al. (2015), platform digital seperti *Airbnb* dapat memenuhi keperluan pelancong untuk berinteraksi secara langsung dengan masyarakat setempat. Platform ini dapat memudahkan penggunaan pasaran ekonomi perkongsian yang berkaitan dengan pelancongan, namun dari masa ke semasa perlu meningkatkan kepercayaan antara kedua-dua pihak iaitu pemilik perniagaan dan pelanggan. Daripada keseluruhan 63 artikel berkaitan platform digital, sebanyak 40 artikel telah dikenalpasti melaksanakan kajian berkaitan platform *Airbnb* yang melibatkan pelbagai aspek antaranya adalah:

- i. Reputasi dan tahap kebolehpercayaan
- ii. Kebolehlaksanaan
- iii. Impak kepada pasaran ekonomi
- iv. Penerimaan pengguna
- v. Segmen pelanggan
- vi. Impak terhadap industri hotel
- vii. Penggubalan polisi dan undang-undang
- viii. Model Penetapan Harga
- ix. Kesan kepada industri sewa rumah
- x. Impak pekerja dalam bidang hospitaliti.

Berdasarkan dapatan tersebut, penggunaan *Airbnb* adalah meluas di seluruh dunia. Bagi memastikan pelaksanaannya diperluaskan lagi, faktor sokongan yang paling utama perlu diambil kira adalah tahap penerimaan pengguna terhadap platform tersebut. Ia mengambikira kebolehpercayaan pemilik tempat penginapan kepada pelanggan. Menurut Chua et al. (2019),

pemilik rumah boleh mempercayai inovasi baharu yang memudahkan urusan mereka sehingga meletakkan kepercayaan dan keselamatan orang asing. Selain isu kebolehpercayaan, tahap perkembangan teknologi di sesebuah negara memainkan peranan penting dalam mempengaruhi bilangan penyenggaraan Airbnb (Heo & Blengini 2019).

Tema model perniagaan pula mencatatkan kedudukan kedua tertinggi iaitu sebanyak 13.5% (27 artikel) yang menghuraikan pelbagai model yang dibangunkan daripada rantaian *sharing economy* yang menjurus kepada pelbagai produk. Menurut Richter et al. (2017), *sharing economy* tidak hanya terhad kepada barangan fizikal, tetapi ia berpotensi besar dalam menawarkan perkhidmatan. Tema pelancongan mencatat kedudukan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 11.0% (22 artikel) yang mana kebanyakan kajian memfokuskan aspek pengurusan *homestay*, impak aktiviti pelancongan, produk baru pelancongan, industri hotel masa hadapan, impak industri hospitaliti serta cabaran dan peluang sektor pelancongan di peringkat global.

Tema yang menduduki kedudukan keempat adalah elemen kelestarian iaitu sebanyak 10.5% (21 artikel), diikuti dengan pengurusan *sharing economy* iaitu sebanyak 9% (18 artikel), manakala seterusnya adalah tema isu dan konflik iaitu sebanyak 6.5% (13 artikel). Ketiga-tiga tema tersebut adalah menumpukan kajian ke atas aspek isu dan cabaran bagi memastikan konsep *sharing economy* dapat diperluas, diurus dengan bersistematik dan seterusnya mengatasi cabaran dan permasalahan dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang komprehensif melalui perkembangan teknologi. Kemudiannya, semua inisiatif yang digariskan akan memastikan pelaksanaan dalam mengadaptasi *sharing economy* menyumbang kepada pembangunan yang lestari. Leung et al. (2019) menyatakan bahawa kerangka ekosistem *sharing economy* adalah gambaran struktur dan interaksi yang mendasari para pemain termasuklah penggiat industri dan pelanggan. Rangka kerja ekosistem menunjukkan bahawa ekonomi perkongsian masih berada dalam tahap awal dengan kepentingan beberapa pemain belum dipenuhi.

Tema yang berada tempat ke tujuh adalah konsep dan kerangka *sharing economy* iaitu sebanyak 6.5% (13 artikel). Kajian yang terlibat dilihat banyak memfokuskan kepada kefahaman asas terhadap definisi dan konsep kerangka *sharing economy*. Menurut Sunjoo & Moon (2016), *sharing economy* adalah melibatkan pelbagai aspek yang perlu diberikan satu definisi standard yang jelas. Ianya bertujuan untuk memastikan usaha perniagaan baru dapat dikenal pasti dengan jelas dalam mengklasifikasikan sesuatu perniagaan itu adalah perkongsian ekonomi yang benar. Selain itu, definisi yang jelas tersebut juga akan dapat memastikan penguatkuasaan yang adil terhadap pelbagai peraturan dan undang-undang dalam urus niaga yang berlaku seterusnya melindungi privasi dan keselamatan pengguna.

Tema kajian yang berada di kedudukan dua terbawah melibatkan tema kepentingan dan peluang iaitu sebanyak 6.0% (12 artikel) dan diikuti yang terakhir adalah tema berkaitan impak sosial iaitu 5.5% (11 artikel). Ini menunjukkan bahawa penyelidikan mengenai dua tema tersebut kurang mendapat perhatian di kalangan penyelidik. Mengambil kira platform *sharing economy* adalah satu inovasi dan konsep yang baharu, kebanyakan kajian dilaksanakan bermula pada tahun 2010. Jadual 2 menunjukkan tren penyelidikan para penyelidik terhadap *sharing economy* bermula pada tahun 2010 hingga 2020.



Jadual 2: Tema *Sharing economy* Mengikut Tempoh Tahun Kajian

Tema	2010-2014	2015-2019	2020	Jumlah
Aktiviti Platform Digital	0	54 (29.2%)	9 (75.0%)	63 (31.5%)
Model Perniagaan	0	27 (14.6%)	0	27 (13.5%)
Pelancongan	0	22 (11.9%)	0	22 (11.0%)
Kelestarian	2 (66.7%)	19 (10.3%)	0	21 (10.5%)
Pengurusan	0	17 (9.2%)	1 (8.33%)	18 (9.0%)
Konflik	0	13 (7.03%)	0	13 (6.5%)
Konsep Dan Kerangka <i>Sharing economy</i>	0	12 (6.49%)	1 (8.33%)	13 (6.5%)
Kepentingan Dan Peluang	1 (33.3%)	11 (5.95%)	0	12 (6.0%)
Impak Sosial	0	10 (5.41%)	1 (8.33%)	11 (5.5%)
<b>Jumlah</b>	3 (1.5%)	185 (92.5%)	12 (6.0%)	200

Bagi tahun 2010 sehingga 2014, sebanyak 1.5% (3 artikel) diterbitkan berkaitan dengan *sharing economy*. Situasi ini mengambil kira bahawa pendekatan konsep *sharing economy* belum diperluaskan lagi pada ketika itu, di mana tiada platform digital yang mengadaptasi konsep itu dan kebanyakannya baru di peringkat cetusan idea. Daripada jumlah tersebut, 2 artikel memfokuskan kepada usaha dalam memastikan pendekatan *sharing economy* mengambil kira aspek kelestarian dari segi ekonomi, persekitaran dan sosial. Manakala 1 lagi artikel lebih memberi penekanan kepada kepentingan dan peluang berkaitan persekitaran pasaran yang bakal berlaku. Menurut Demary (2014), dari sudut pandangan pengguna, platform *sharing economy* menawarkan perkhidmatan yang unik dan sering meningkatkan persaingan di pasaran yang dapat menghasilkan lebih banyak variasi dengan harga yang lebih rendah. Manfaat tersebut hanya dapat direalisasikan jika peraturan yang sesuai diwujudkan bagi memungkinkan persaingan yang adil di pasaran.

Sejak tahun 2015, jumlah penyelidikan berkaitan *sharing economy* mula meningkat, di mana dalam tempoh tersebut sebanyak 92.5% (185 artikel) diterbitkan bagi tahun 2015 hingga 2019. Kajian tersebut rata-rata menumpukan aktiviti platform digital yang sedang berkembang terutama melalui pelbagai aplikasi seperti *Airbnb*. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 29.2% (54 artikel) memberi fokus ke atas penggunaan *Airbnb* sebagai platform *sharing economy*. Selain itu, dua tema yang banyak diketengahkan oleh penyelidik terdahulu adalah berkaitan model perniagaan iaitu sebanyak 14.6% (27 artikel) dan pelancongan iaitu sebanyak 11.9% (22 artikel). Seterusnya pada permulaan awal tahun 2020, penyelidik turut memberikan penekanan kepada subjek *sharing economy* dengan penghasilan artikel sebanyak 6.0% (12 artikel). Antara kajian

yang menjadi tumpuan ialah aspek pengurusan, konsep dan kerangka, seterusnya penilaian ke atas impak sosial dalam kalangan pengguna dan pemilik perniagaan.

Jadual 3 menunjukkan pecahan 200 artikel berdasarkan tema kajian mengikut enam (6) kawasan kajian utama mengikut benua iaitu Afrika, Amerika, Asia, Dunia, Eropah dan Oceana. Berdasarkan analisa tersebut, tema *sharing economy* paling banyak dipilih sebagai subjek kajian di di benua Eropah iaitu sebanyak 34.5% (69 artikel), tempat kedua di negara Benua Amerika iaitu sebanyak 24.5% (49 artikel), diikuti pelbagai negara di seluruh dunia iaitu sebanyak 19.5% (39 artikel), kemudiannya benua Asia iaitu sebanyak 19.0% (38 artikel), kedua terendah di benua Afrika iaitu sebanyak 1.5% (3 artikel) dan di kedudukan terakhir adalah di negara Oceana yang hanya melibatkan 1.0% (2 artikel).

Analisis turut memperlihatkan hanya dua tema kajian dilaksanakan di Benua Amerika iaitu tema pelancongan dengan peratusan sebanyak 66.7% (2 artikel) diikuti 33.3% (1 artikel) bagi tema model perniagaan. Analisis di benua Amerika juga menunjukkan para penyelidik memfokuskan tema kajian berkaitan aktiviti platform digital iaitu sebanyak 36.7% (18 artikel) diikuti tema model perniagaan iaitu sebanyak 14.3% (7 artikel). Tren kajian berkaitan aktiviti platform digital juga menjadi fokus utama di kalangan penyelidik bagi kawasan benua Asia, Eropah dan Oceana. Sebagai negara yang maju di Benua Eropah, kebanyakan penyelidik memfokuskan tema berkaitan aktiviti platform digital kerana mengambil kira tahap kesedaran penggunaan dan perkembangan teknologi (Gyodi 2017). Selain itu, penyelidik turut melaksanakan kajian berkaitan 3 fokus tema utama di Eropah iaitu melibatkan sebanyak 11.6% (8) artikel masing-masing bagi tema kelestarian, model perniagaan dan pelancongan. Berdasarkan tren penyelidikan tersebut juga, didapati penyelidik hanya melaksanakan kajian berkaitan tema aktiviti platform digital di negara Oceana.

Berdasarkan tema penyelidikan yang dianalisa, para penyelidik banyak membuat kajian berkaitan tema *sharing economy* ke atas negara-negara di benua Amerika, Asia, Eropah dan negara-negara lain secara umum. Adalah amat penting untuk memperolehi tema yang kurang menjadi perhatian di kalangan penyelidik ke atas negara-negara tersebut. Ini kerana ia dapat mengenalpasti jurang kajian yang boleh diteroka oleh penyelidik akan datang. Analisa mendapati tema penyelidikan yang paling kurang menarik minat di kalangan penyelidik di negara benua Amerika adalah impak sosial, konflik dan kelestarian.

Tema impak sosial dan konflik pula kurang menjadi subjek penyelidikan di negara benua Asia. Seterusnya di benua Eropah, tema berkaitan konflik serta kerangka dan konsep *sharing economy* kurang mendapat perhatian dalam kalangan para penyelidik. Situasi ini menyebabkan banyak dapatan berkaitan *sharing economy* ini masih belum cukup jelas dan mendapat pelbagai definisi daripada beberapa kerangka yang dibangunkan. Menurut Ranjbari et al. (2018), *sharing economy* telah menjadi satu pendekatan yang menjadi fokus oleh para penyelidik dan syarikat-syarikat berkepentingan. Walau bagaimanapun, definisi berkaitan *sharing economy* serta penentuan faktor-faktor yang menentukan sempadannya masih kurang. Keadaan ini turut menyebabkan penetapan yang kurang jelas berkaitan

Jadual 3: Tema Kajian Mengikut Lokasi Benua

Tema	Afrika		Amerika		Asia		Dunia		Eropah		Oceana	
	Bil	Rank	Bil	Rank	Bil	Rank	Bil	Rank	Bil	Rank	Bil	Rank
Aktiviti Platform Digital	0		18 (36.7%)	1	13 (34.2%)	1	11 (28.2%)	1	19 (27.5%)	1	2 (100%)	1
Impak Sosial	0		4 (8.2%)	5	1 (2.6%)	6	0	6	6 (8.7%)	3	0	
Kelestarian Pelancongan	0		2 (4.1%)	7	7 (18.4%)	2	4 (10.3%)	4	8 (11.6%)	2	0	
Kepentingan Dan Peluang	0		3 (6.1%)	6	3 (7.9%)	4	0	6	6 (8.7%)	3	0	
Konflik	0		2 (4.1%)	7	1 (2.6%)	6	6 (15.4%)	2	4 (5.8%)	4	0	
Konsep & Kerangka <i>Sharing economy</i>	0		2 (4.1%)	7	2 (5.3%)	5	5 (12.8%)	3	4 (5.8%)	4	0	
Model Perniagaan	1 (33.3%)	2	7 (14.3%)	2	5 (13.2%)	3	6 (15.4%)	2	8 (11.6%)	2	0	
Pelancongan	2 (66.7%)	1	5 (10.2%)	4	3 (7.9%)	4	4 (10.3%)	4	8 (11.6%)	2	0	
Pengurusan	0		6 (12.2%)	3	3 (7.9%)	4	3 (7.7%)	5	6 (8.7%)	3	0	
	3 (1.5%)		49 (24.5%)		38 (19.0%)		39 (19.5%)		69 (34.5%)		2 (1.0%)	

syarikat atau pihak berkepentingan mana yang boleh diletakkan di bawah satu bumbung yang didefinisikan sebagai *sharing economy*. Ia bukan hanya dianggap sebagai peluang, tetapi juga ancaman besar bagi perusahaan yang bersaing dalam arena *sharing economy*. Sekiranya dikaji lebih mendalam ke atas tren penyelidikan di negara Asia, analisa tema kajian mengikut zon kawasan Asia Barat, Tengah, Tenggara dan Timur adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Tema kajian di Asia

Tema	Asia	Asia Barat	Asia Tengah	Asia Tenggara	Asia Timur	Jumlah
Aktiviti Platform Digital	0	0	2	6	5	13
Impak Sosial	0	1	0	0	0	1
Kelestarian	1	0	1	1	4	7
Kepentingan Dan Peluang	0	0	1	0	2	3
Konflik	0	0	0	1	0	1
Konsep Dan Kerangka <i>Sharing economy</i>	0	0	0	0	2	2
Model Perniagaan	0	0	0	3	2	5
Pelancongan	0	0	0	1	2	3
Pengurusan	0	0	0	1	2	3
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>13</b>	<b>19</b>	<b>38</b>
	<b>2.60%</b>	<b>2.60%</b>	<b>10.50%</b>	<b>34.20%</b>	<b>50.00%</b>	

Bagi kajian di Asia, didapati Asia Timur yang melibatkan negara China, Hong Kong dan Korea Selatan adalah lokasi kajian tertinggi berkaitan tema *sharing economy* iaitu sebanyak 50.0% (19 artikel) dan diikuti dengan Asia Tenggara sebanyak 34.2% (13 artikel). Berdasarkan dua kawasan tertinggi tersebut, didapati tema aktiviti platform digital menjadi fokus utama masing-masing sebanyak 46.15% (6 artikel) di benua asia tenggara dan sebanyak 26.3% (5 artikel) di benua asia timur. Antara fokus kajian ialah (i) aplikasi *mobike*; (ii) *online car healing*; (iii) jaringan pengangkutan secara atas talian; (iv) platform *ridesharing*; (v) kesan *Airbnb* kepada hotel bajet; (vi) tahap kepuasan pelanggan ke atas penggunaan platform *Airbnb*; (vii) tahap kesetiaan pengguna ke atas platform *Airbnb*; dan (viii) adaptasi risiko. Subjek tumpuan tersebut menggambarkan para pengguna dan pelanggan di kedua-dua benua tersebut saling berhubung secara relatif yang seterusnya memberi kesan ke atas tren penggunaan platform digital yang direkabentuk dalam menggarap pendekatan *sharing economy*. Menurut Kim (2019), kesetiaan pengguna digambarkan melalui niat, di mana niat untuk menggunakan kembali dipandu oleh kepuasan dan kepercayaan pengguna terhadap platform ini. Kepuasan pengguna dikenal pasti sebagai faktor utama meningkatkan kesetiaan pengguna *Airbnb*. Pengguna yang berpuas hati cenderung untuk tinggal di penginapan yang ditawarkan melalui *Airbnb*, yang akhirnya membawa kepada tingkah laku pengguna yang setia. Justeru, kepercayaan pengguna memainkan peranan penting dalam membentuk kesetiaan pengguna terhadap *Airbnb*.

Selain itu, tema impak sosial masih kurang sebagai subjek utama kajian *sharing economy* di Asia (Alizadeh & Sarkar 2018). Analisa tren mendapati hanya satu kajian dilaksanakan di Asia Barat manakala tiada kajian dibuat di negara-negara benua Asia Tenggara, Timur dan Tengah. Keadaan ini menunjukkan jurang kajian tersebut boleh dijadikan sebagai cadangan kepada penyelidik lain dalam mengkaji sudut pandang berhubung impak sosial kesan pelaksanaan platform digital dalam kehidupan seharian. Menurut Matar & Aoun (2019), platform *Airbnb*, *Uber*, *Blablacar* dan *Crowdfunding* adalah contoh terpenting dalam aspek sosial yang melibatkan kelakuan pengguna melalui konsep ekonomi perkongsian. Hasil dapatan mendapati ekonomi baru ini bersifat perlahan dan perlu bersaing dengan perniagaan tradisional di beberapa kawasan. Pengguna dan pembekal perkongsian di seluruh dunia menikmati faedah yang diberikan oleh ekonomi ini kepada mereka. Hasil dapatan turut menunjukkan bahawa mengambil kira budaya masyarakat Lubnan yang suka berkongsi, konsep perkongsian sebagai ganti nilai wang mudah diterima melalui platform digital seterusnya ia tidak menjadi penghalang untuk konsep *sharing economy* diadaptasi dan diterima.

Daripada jumlah kajian di Asia Tenggara, hanya 2 kajian dilaksanakan di Malaysia yang melibatkan tema kelestarian dan model perniagaan. Situasi ini boleh disimpulkan bahawa masih tidak banyak penyelidik melaksanakan kajian berkaitan tema *sharing economy* di Malaysia. Ini merupakan satu jurang kajian kepada penyelidik dan melaksanakan kajian dalam pelbagai sudut pandang di Malaysia. Menurut Sarina & Khairil (2018) melalui kajiannya ke atas konsep *sharing economy* di Malaysia, ekonomi perkongsian boleh memberi kesan positif dan negatif bagi masyarakat secara keseluruhan dari segi inovasi, risiko keselamatan dan asas cukai. Ia juga mendorong keusahawanan dan menghidupkan semula konsep perkongsian. Pasaran pertumbuhan yang menarik untuk penginapan alternatif seperti inap desa, mendorong lebih ramai orang menyewa rumah mereka yang tidak digunakan langsung atau tidak digunakan untuk jangka masa pendek. Selain industri pelancongan di Malaysia, Faiq Aziz et al. (2017) mendapati *sharing economy* akan membuka spektrum dan peluang baru kepada industri perkapalan untuk memaksimumkan penggunaannya dengan menerapkan konsep tren ekonomi perkongsian dan mewujudkan kelebihan daya saing bagi syarikat perkapalan.

### **Ketersediaan Masyarakat Sivil Menggunakan Platform *Sharing Economy* di Negara Terpilih**

Perkembangan kemajuan platform *sharing economy* adalah berbeza di antara negara maju berbanding dengan negara membangun. Untuk melihat perbezaan ketersediaan masyarakat terhadap platform *sharing economy* di antara negara tersebut, dapatan yang dialami atau berlaku di beberapa negara dianalisis daripada 200 artikel ini.

Berdasarkan artikel yang diperolehi, konsep *sharing economy* bukanlah sesuatu yang baru bagi masyarakat di Korea Selatan mengambil kira usaha yang telah dilakukan ketika bangkit kembali setelah berlakunya krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dengan memperdagangkan barang mereka sendiri dengan harga murah. Oleh itu, syarikat berlandaskan *sharing economy* sangat mudah diterima di Korea Selatan, terutamanya dengan disokong kemajuan dan peningkatan teknologi di Seoul. Pemerintah di bandar Seoul juga telah menerima dan mengadaptasi konsep tersebut yang turut digunakan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang melibatkan aktiviti

ekonomi, pengurangan penghasilan sampah dan pembinaan budaya masyarakat. Sehingga kini, terdapat pelbagai syarikat berlandaskan *sharing economy* yang beroperasi di kota Seoul (Evelyn dan Chiu 2019).

Free-Floating Bike Sharing (FFBS) sangat terkenal di Shanghai di mana ianya adalah inisiatif yang membawa kembali tabiat berbasikal ke bandar Shanghai yang terlalu sesak dengan kenderaan. Menurut Ma et al. (2018) FFBS dikatakan telah mengubah tingkah laku warga Shanghai untuk menggunakan basikal dalam jangka masa pendek sekitar bermula tahun 2016 hingga 2017. Walau bagaimanapun, dilaporkan bahawa inisiatif tersebut menghadapi beberapa isu; (i) kelebihan bekalan; (ii) kurang promosi; dan (iii) salah laku di kalangan pengguna yang membahayakan kelestarian alam sekitar dan mobiliti bandar yang inovatif. Lanjutan dari itu, kerajaan tempatan di China telah berkerjasama dengan pihak Mobike dalam menjayakan program FFBS. Pada bulan Jun 2016, dua bulan setelah Mobike meletakkan basikal pertamanya di Shanghai, pihaknya telah menganjurkan sidang akhbar bagi mengumumkan kerjasama dengan kerajaan Daerah Yangpu. Pengumuman tersebut adalah langkah proaktif Mobike untuk mempromosikan FFBS sebagai komponen penting dalam sistem pengangkutan karbon rendah di kawasan tersebut. Sejak itu, Mobike telah meminta sokongan kerajaan terutamanya untuk memperuntukkan lebih banyak tempat letak basikal bagi menangani isu ketidakpastian berhubung dengan kecukupan infrastruktur bandar untuk menyokong perkembangan FFBS yang pesat.

Di Eropah pula, Paris mempunyai rangkaian *Airbnb* terbesar di dunia, dengan melibatkan sekitar 65,000 penawaran. Kerajaan tempatan di Paris telah berusaha untuk menyelaras serta mengawalselia aktiviti melalui platform *Airbnb* dengan beberapa langkah kawalan iaitu menghadkan bilangan hari bagi setiap tempahan dengan maksimum 120 hari (Hajibaba & Dolnicar 2017). Sekiranya penawaran penginapan melebihi tempoh had tersebut, premis tersebut mesti didaftarkan sebagai sewa harta komersial. Walau bagaimanapun penguatkuasaan peraturan tersebut sukar dilaksanakan di mana mulai Disember 2017 semua tuan rumah diminta untuk mendaftar penyewaan harta tanah mereka. Di Berlin pula, berdasarkan kaji selidik, isu peningkatan harga sewa rumah adalah berpunca daripada peningkatan jumlah penyenaian harta dalam platform *Airbnb*. Bagi menangani isu tersebut, tindak balas penetapan dasar adalah penting di mana bermula Mei 2016 dan seterusnya, permit khas diperlukan sekiranya ruang sewa melebihi 50% ruang harta tanah di Berlin (Gyodi 2017).

Di India, *sharing economy* adalah satu konsep yang berpotensi tinggi untuk digunakan secara meluas dan penerimaannya kini kian meningkat dalam kalangan masyarakat. Situasi di India adalah berbeza dengan negara-negara maju seperti di Eropah kerana India merupakan sebuah negara sedang membangun yang mempunyai populasi penduduk yang ramai, pelbagai agama dan budaya. Berdasarkan situasi tersebut, terdapat banyak faktor yang perlu dititikberatkan sebelum menjadi sebuah negara maju. Masyarakat di India masih mencuba untuk menyesuaikan diri dengan konsep ekonomi perkongsian yang baharu diaplikasikan dalam urusan di pelbagai sektor dan kehidupan seharian. Kebanyakan pengguna gembira dengan layanan yang telah diberikan atas perkhidmatan melalui konsep *sharing economy* dan akan menggunakannya lagi di masa akan datang.

Di Malaysia, kajian tentang ekonomi perkongsian masih baru dan hanya sebahagian kecil digarap dalam sorotan literatur daripada jurnal yang diselidiki. Ekonomi perkongsian di negara ini diselusuri dengan kesannya kepada industri penginapan, khususnya persaingan antara homestay

yang didaftarkan dengan homestay ilegal dari segi penawaran (Sarina & Khairil 2018) Meskipun hal ini boleh didebatkan, kehadiran *airbnb* yang mencetuskan penginapan homestay di pelbagai peringkat, ternyata peluang *sharing economy* telah membuka peluang kepada penglibatan

### **Implikasi Penggunaan Platform *Sharing Economy* di Malaysia**

Daripada penelitian ke atas karya jurnal sebanyak 200 buah dalam kajian ini, hasil kajian ini memberikan implikasi kepada korpus ilmu tentang ekonomi perkongsian di negara ini. Pertama, daripada karya pustaka ini, konsep dan gunapakai ekonomi perkongsian di negara ini agak terbatas, kerana ia merujuk kepada kes dan subjek yang masih terhad. Konsep ekonomi perkongsian, ekonomi kolaboratif dan ekonomi *peer to peer* masih baru dalam konstruk sarjana tempatan di negara ini. Sehubungan itu, konsep ekonomi perkongsian wajar difahami dengan leboh mendalam oleh pihak pemegang taruh yang terlibat sama ada dilihat dalam konteks sektor, mekanisme pengurusan dan juga pemain atau *host dan peers* yang terlibat dalam ekonomi perkongsian.

Kedua, meskipun penggunaan aktiviti dalam ekonomi perkongsian semakin teguh dalam senario global, kajian di negara ini cenderung untuk meneliti kepada penawaran homestay dan *airbnb*. Bagaimanapun, dengan mengfokuskan kepada perbandingan kehadiran homestay berlesen di bawah MOTAC dan *airbnb*, perspektif ini wajar diteliti semula kerana kerangka homestay dan *airbnb* dalam persaingan ekonomi perkongsian agak bias kepada kewujudan dan kelangsungan homestay konvensional. Sedangkan kewujudan fenomena global *airbnb* yang mendapat pengiktirafan pelbagai pihak, tidak dilihat sebagai satu pencapaian keterlibatan masyarakat sivil dalam bergerak sealiran dalam ekonomi perkongsian.

Ketiga, ekonomi perkongsian amat menggalakkan penggunaan dataraya yang boleh diperoleh daripada pelbagai sumber dan ini wajar dimanfaatkan oleh para penyelidik dan pelaksana. Kehadiran *ewom* oleh TripAdvisor umpamanya memberikan impak kepada sumber baru bagaimana bersaing dan *branding* dalam persada ekonomi siaraya. Melalui rating daripada pengguna maya, pembangunan produk dalam perkhidmatan ekonomi perkongsian menawarkan jawapan strategik kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang.

Keempat, ekonomi perkongsian juga memberikan impak sosial dan dalam hal soal kesan kepada penjana tenaga buruh dalam ekonomi ini wajar mendapat perhatian sarjana. Konsep baru pekerja sebagai *freelancer* dan bukan *employees* wajar menarik perhatian sarjana. Ini kerana ekonomi perkongsian bukan sahaja memerlukan tenaga kerja celik teknologi tetapi pintar kepada penghasilan kandungan dalam pembangunan produk dan perkhidmatan. Pemasaran dalam talian dan keusahawanan dalam ekonomi perkongsian perlu input yang baru dan inovatif. Berasaskan implikasi peluang penelitian yang luas dalam ekonomi perkongsian di negara ini, satu bentuk kajian translational dalam mengungkap isu dan cabaran untuk membangun dalam ekonomi ini wajar disahut oleh para penyelidik pelbagai bidang.

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan ulasan ke atas keseluruhan artikel yang dikaji, terdapat banyak penyelidikan berkaitan *sharing economy* telah dilakukan di peringkat global, namun ianya masih kurang dilaksanakan di

peringkat tempatan di Malaysia. Analisa ke atas 200 journal tersebut telah dapat mengenalpasti sembilan (9) tema dalam melihat dan mendalami tren penyelidikan berkaitan *Sharing economy* di peringkat global. Kelpelbagaian tema dan fokus penyelidikan tersebut menunjukkan ianya telah berjaya mengupas dari pelbagai sudut pandang penyelidik terdahulu berhubung konsep, fungsi, impak, isu dan peluang berkaitan konsep *sharing economy* untuk diadaptasi oleh semua masyarakat dunia di pelbagai sektor dan bidang.

Berdasarkan analisa kajian, terdapat perbezaan dalam ketersediaan masyarakat terhadap platform *Sharing economy* di antara negara-negara yang dikaji. Perbezaan tersebut terhasil daripada pelbagai faktor terutamanya berkaitan kesedaran masyarakat dan tahap kemajuan teknologi di sesebuah negara. Berpandukan situasi dan sumber sedia ada seperti negara-negara luar, konsep *sharing economy* mempunyai potensi untuk berkembang di negara Malaysia. Malah, dengan mengambil kira situasi terkini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penggunaan platform *sharing economy* seperti *Grab Food* dan *Food Panda* telah terbukti memenuhi keperluan semasa pengguna di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, persoalan yang penting adalah sejauh mana pendekatan *Sharing economy* dapat mengubah persepsi individu dan masyarakat dalam mengadaptasi platform baharu ke arah kemampanan ekonomi dan sosial. Persoalan tersebut boleh diperdebat dan dikupas dengan lebih kritis sama ada pendekatan *sharing economy* dapat menyumbang atau sebaliknya kepada amalan penggunaan yang lebih lestari. Dapatan tersebut memerlukan penyelidikan lanjut di bawah skop dan sudut pandang yang lebih luas dalam memahami konsep *sharing economy* melalui pendekatan holistik dan bersepadu di pelbagai peringkat.

## **PENGHARGAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai ‘Geran Penyelidikan Khas Top Down UKM: Wabak Covid-19’ number GPK-C19-2020-014 sementara penyelidikan ini dijayakan oleh pengkaji semasa mengendalikan kursus penyelidikan di peringkat Sarjana Sains Pembangunan 2019/2020.

## **RUJUKAN**

- Alizadeh, T., Farid, R., & Sarkar, S. (2018). Towards understanding the socio-economic patterns of *sharing economy* in Australia: An investigation of Airbnb listings in Sydney and Melbourne Metropolitan Region. *Urban Policy and Research*, 1-19.
- Basselier, R., Langenus, G., Walravens, L. (2018). The rise of the sharing economy, *Economic Review*, 57-78.
- Botsman, R., & Rogers, R. (2010). *What's Mine Is Yours: The Rise of Collaborative Consumption*. New York, NY: HarperBusiness.
- Chua, E. L. & Chiu, J. L. (2019). Sharing economy: An analysis of airbnb business model and the factors that influence consumer adoption, *Review of Integrative Business and Economics Research*, 8(2), Supplementary Issue 2, 19-37.
- Demary, V. (2014), *Competition in the Sharing Economy*, Cologne Institute for Economic Research, 1-27.
- Ert, E., Fleischer, A. & Magen, N. (2015). Trust and reputation in the sharing economy: The role of personal photos in Airbnb, *Tourism Management*, 55, 62–73



- Faiq Aziz, Nomahaza Mahadi, Raihana Mohdali, Indiran Kamalan (2017) The role of sharing economy towards firm performance in Malaysia shipping industry, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(10), 576-584.
- Gao, S., & Zhang, X. (2016). Understanding business models in the sharing economy in China: A Case Study. *Lecture Notes in Computer Science*. 661–672.
- Gyodi, K. (2017). Airbnb in European cities: Business as usual or true *sharing economy*? *Journal of Cleaner Production*, 221(1), 536-551.
- Hajibaba, H. and Dolnicar, S. (2017). Chapter 11 – Regulatory Reactions Around the World, in S. Dolnicar, *Peer-to-Peer Accommodation Networks: Pushing the boundaries*, Oxford: Goodfellow Publishers, 120–136.
- Hamari, J., Sjöklint, M., & Ukkonen, A (2016). The Sharing economy: why people participate in collaborative consumption. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 67(9), 2047–2059.
- Heo, C. Y., & Blengini, I. (2019). A macroeconomic perspective on Airbnb’s global presence. *International Journal of Hospitality Management*, 78, 47–49.
- Kim, B.. (2019) Understanding key antecedents of consumer loyalty toward sharing-economy platforms: The case of Airbnb. *Sustainability*, 11(19), 5195.
- Leung, X. Y., Xue, L., & Wen, H. (2019). Framing the sharing economy: Toward a sustainable ecosystem. *Tourism Management*. 71, 44–53.
- Ma, Y., Jing Lan, J., Thornton, T., Diana Mangalagiu, D., Dajian Zhu, D. (2018). Challenges of collaborative governance in the sharing economy: The case of free-floating bike sharing in Shanghai. *Journal of Cleaner Production*, 197, 356-365.
- Matar, L. and Aoun, G (2019). Motivation of the sharing economy users in the Middle East: The case of Lebanon, *Journal of Internet and e-Business Studies*, 9(2), 197-203.
- Mingming Cheng. (2016). Sharing economy: A review and agenda for future research. *International Journal of Hospitality Management*, 57, 60–70.
- Paweł, D & Masiukiewicz, P. (2018). Sharing economy-new phenomenon. *Business and Economic Research*, 8(2), 1-10.
- Ranjbari, M., Morales-Alonso, G., & Carrasco-Gallego, R. (2018). Conceptualizing the sharing economy through presenting a comprehensive framework. *Sustainability*, 10(7), 2336.
- Richter, C., Sascha Kraus, S., Alexander Brem, A., Susanne Durst & Clemens Giselsbrecht (2017). Digital entrepreneurship: Innovative business models for the sharing economy. *Creativity and Innovation Management*. 36(3), 300-310.
- Sarina Mohamad Nor & Khairil Wahidin Awang (2018) The rise of the sharing economy: will it affect ministry of tourism and culture homestay sustainability in Selangor, Malaysia, *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(11), 58 – 71.
- Segaran, R. (2020). Malaysia’s Sharing economy: Are we up to the challenge? *Asian Association of Management Organisation's (AAMO) Quarterly Newsletter, Leading The Way*. <https://www.linkedin.com/pulse/malaysias-sharing-economy-we-up-challenge-raja?articleId=6622489008922550272>
- Soltysova, Z. and Modrak, V. (2020). Challenges of the sharing economy for SMEs: A literature review. *Sustainability*, 12, 6504.
- Sunjoo, O. & Moon, J. Y (2016) Calling for a Shared Understanding of the Sharing Economy. *ICEC '16: Proceedings of the 18th Annual International Conference on Electronic Commerce: e-Commerce in Smart connected World Social*, 1-5.
- Wilson, V. (2011). Research methods: Content analysis, *Evidence Based Library and Information Practice* 6(4), 177–179.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **HABIBAH AHMAD\* (Pengarang Koresponden)**

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
ha@ukm.edu.my.

### **WEE ENG FUI**

Program Sarjana Pembangunan,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
P101757@siswa.ukm.edu.my

### **RIDUAN SUPADI**

Program Sarjana Pembangunan,  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
P101757@siswa.ukm.edu.my

### **HAMZAH JUSOH**

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
hj@ukm.edu.my

### **ER AH CHOY**

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
eveer@ukm.edu.my

### **NORNGAINY MOHD TAWIL**

Jabatan Senibina dan Alam Bina,  
Fakulti Alam Bina dan Kejuruteraan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
norgainy@ukm.edu.my